

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG  
(TANJONG PIAI)**

**TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah statistik orang papa yang berjaya daripada Program Desa Bina Diri dan apakah usaha yang dijalankan oleh Kementerian untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran orang papa untuk berdikari semula.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai 5 buah institusi Desa Bina Diri (DBD) yang memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada orang papa agar mereka menjadi produktif dan berkemahiran serta mempunyai sikap yang positif untuk diintegrasikan dalam masyarakat. Institusi tersebut adalah seperti berikut :

- i) DBD Mersing
- ii) DBD Jerantut
- iii) DBD Kota Kinabalu
- iv) DBD Kuching
- v) Pusat Sehenti Bina Diri Sungai Buloh

Berdasarkan statistik JKJ, bilangan orang papa yang telah dimasukkan ke Desa Bina Diri mulai bulan Januari tahun 2010 sehingga Disember 2015 adalah berjumlah 5,726 orang. Daripada jumlah berkenaan, sejumlah 198 orang penghuni telah dibebaskan untuk kembali tinggal dengan keluarga dan 92 orang penghuni yang telah mengikuti program "*Job Opportunity*" di DBD berjaya mendapat pekerjaan di luar.

KPWKM melalui JKM melaksanakan pelbagai program bagi menyediakan penghuni DBD agar dapat diintegrasikan semula dalam masyarakat. Para penghuni DBD akan menjalani pemulihan, latihan kerjaya dan kemahiran (vokasional, pertanian, kraftangan) bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun.

DBD juga mengadakan program "*Job Opportunity*" kepada penghuni-penghuni yang boleh dilatih bagi menyesuaikan penghuni dengan alam pekerjaan. Program ini adalah merupakan inisiatif DBD dengan syarikat-syarikat swasta dan persendirian di kawasan berdekatan institusi untuk menempatkan penghuni di alam pekerjaan sebagai persediaan penghuni untuk diintegrasikan semula dalam masyarakat.

Kesimpulannya, KPWKM sentiasa komited untuk meneruskan usaha membela kesejahteraan sosial kumpulan sasaran agar mereka dapat menjalani kehidupan yang berdikari, berintegriti dan bermaruah dan menjadi sebahagian daripada anggota penting dalam keluarga, komuniti dan masyarakat secara inklusif.